

25hb Mei 2018

Saudara / Saudari,

**TEMUDUGA BAGI PEMILIHAN CALON-CALON PROGRAM PERTUKARAN
PELAJAR YAYASAN AFS ANTARABUDAYA MALAYSIA SESI 2018/2019**

Sukacita dimaklumkan bahawa anda dijemput untuk menghadiri sesi temuduga bagi pemilihan calon-calon program pertukaran pelajar Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia sesi 2018/2019 pada:

TARIKH : Sabtu, 2hb Jun 2018
MASA : 8.30AM-2.30PM
TEMPAT : SK Seksyen 13, Jalan Bola Sepak 13/11, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

(Sila rujuk lampiran untuk melihat senarai nama dan sesi temuduga anda. Anda dikehendaki hadir sehingga tamat sesi pada waktu yang telah ditetapkan)

Sila bawa dokumen-dokumen berikut:

1. Kad pengenalan
2. Slip Keputusan Peperiksaan (Perlu bawa jika tidak disertakan didalam borang permohonan yang telah dihantar):
 - Calon Tingkatan 3 : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 1 & 2, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 3
 - Calon Tingkatan 4 : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 2, Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 4
 - Calon Tingkatan 5 : Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 5
3. Surat sokongan dari Guru/Sekolah (*Recommendation letter from school teacher/school*)
4. Lain-lain sijil yang berkenaan (Sijil Koko etc.)
5. Surat temuduga ini.

Calon-calon diminta memakai pakaian seragam sekolah, lengkap dengan lencana sekolah semasa menghadiri temuduga pada hari yang telah ditetapkan. Segala perbelanjaan berhubung dengan pemilihan ini termasuk pengangkutan, makan dan minum adalah tanggungjawab calon sendiri.

Para ibu-bapa dijemput hadir untuk sesi taklimat pada pukul 8.45AM. Semasa sesi temuduga dijalankan, ibubapa tidak dibenarkan berada di kawasan temuduga. Kerjasama daripada pihak ibubapa amatlah kami hargai.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan Pn. Nadia Samsudin atau Cik Sophie Ismail di talian 03-7887 6866 atau emel info-mas@afs.org.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya!

Yang benar,



Nani Taha
Pengurus Program
Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia